BENTUK-BENTUK TRADE KEFAHAMAN ZON A

Okay, kita sudah pun belajar mengenai asas-asas TK Zon A. Pada bab ini kita akan belajar mengenai bentuk-bentuk TK Zon A. Ada 3 kategori TK Zon A iaitu :

A) Pattern Tinggalkan Zon A

B) Pattern Kembali Ke Zon A

C) Pattern Sideway dalam Zon A

A) Pattern Tinggalkan Zon A ini ada 4 bentuk :

1) Buy To Buy



2) Sell to sell



EURUSD,H1 1.17655 1.17711 1.17637 1.17681
EURUSD 28 MAC 2017
5
50 PIPS
SELL TO SELL

3) Buy to sell



GBPUSD,H1 1.34039 1.34072 1.34019 1.34064
90 PIPS
3
4
90 PIPS
BUY TO SELL
GBUSD 26 OCT 2017

4) Sell to buy





B) Pattern Kembali Ke Zon A ada 6 bentuk :

1) Buy cross zon A



2) Buy reject low zon A



3) Buy reject high zon A



4) Sell cross zon A



5) Sell reject low zon A



6) Sell reject high zon A



C) Pattern Sideway Dalam Zon A ada 1 bentuk:



Bentuk ni jarang sangat berlaku. Namun mentor Ayra Johari kata kalau jumpa bentuk ni memang lubuk duit katanya..

Boleh tengok screenshot di atas. CS jam 10 pagi tidak lepas high zon a selepas itu dia junam. Kemudian cs jam 1 pagi masuk semula dalam zon A

BAB 3 : MARKET BATAL@INVALID TRADE KEFAHAMAN ZON A

Tiada teknik di dalam dunia Forex ini yang menjamin 100% profit tanpa loss. Ini bermakna tiada teknik yang perfect. Tambahan pula Forex adalah bisnes berisiko tinggi dan potensi untuk loss adalah tinggi. Sebab itu penting untuk trade mengikut proper money management. Jadi bila loss, loss dapat dikawal dengan baik dengan money management yang bagus.

Berikut beberapa contoh market batal. Biasanya market batal ni market membuat bentuk SELL CROSS ZON A jika market di high dan BUY CROSS ZON A jika market di low. Untuk tambahan ada juga market buat 2 bentuk pada 1 hari di time frame H1.Jika jumpa market sebegini, ianya batal. Lihat contoh-contoh di bawah.

ni market mempunyai 2 bentuk di dalam 1 hari

market di high dan membuat sell cross zon A

market keluar masuk zon A

BAB 4 : MONEY MANAGEMENT TRADE KEFAHAMAN ZON A

Dalam bab ini, ianya berkait rapat dengan bab 3 iaitu bab market batal. Kenapa ianya berkait rapat?. Ini kerana jika market batal berlaku, loss kita berada di dalam kawalan. Untuk bertahan lama di dalam bisnes Forex, kita perlu follow proper money management. Persoalannya, apa itu proper money management?. Proper money management adalah pengurusan kewangan yang baik. Money management bukan sahaja penting di dalam bisnes Forex, akan tetapi ianya penting pada kehidupan seharian kita. Jika kita tak pandai urus wang kita, pasti kewangan kita hancur. Ini fakta yang tidak dapat disangkal lagi. Okay dalam Forex ada high risk, medium risk dan low risk. Disini saya akan kongsikan cara trade low risk sahaja. Bukan apa kalau saya kongsikan kepada anda money management yang high risk punya, takut akaun tak bertahan lama dan anda salahkan saya pula.

Okay sekarang anda cuma perlu guna formula berikut untuk tentukan lot size :

Lot size akaun standard = (modal / 10000)

Contoh jika anda guna modal $100. Maka, 100/10000 dapatlah 0.01 lot size. Berapa pula TP dan SL nya?. Anda boleh set TP dan SL kepada 50 pips SL dan 50 pips TP. Ini bermakna anda hanya risikokan 5% dari capital anda.

Now, bila perlu tambah lot size? Cadangan saya, tambah lot size bila sudah mencapai 100% profit. Contoh jika anda mengunakan modal $100, anda trade guna lot size 0.01 sehingga mencapai $200. Bila sudah capai $200 barulah anda tambah lot size menjadi 0.02. Mudah kan?.

TP dan SL anda boleh adjust mengikut kemahuan anda dan berapa risiko yang anda sanggup tanggung. Perkongsian ini adalah berdasarkan pengalaman saya selama 7 tahun di dunia Forex.

BAB 5 : PERATURAN DAN CARA TRADE (SOP) TRADE KEFAHAMAN ZON A

Okay bab ini paling penting sekali selain money management. Anda perlu ikut peraturan dan cara trade (SOP) untuk trade kefahaman zon A ni. Potensi win rate adalah 90% mengikut pengalaman saya. 10% bakinya adalah market batal/berisiko.

Peraturan trade :
1) buy di low
2) sell di high
3) follow proper money management

Cara trade (SOP) :
1) lihat bentuk market (guna TF H1 sahaja), jika market sebelum di low (bawah), pada hari berikutnya kita fokus buy sahaja. Jika market sebelum berada di high (atas), pada hari berikutnya kita fokus sell sahaja. Jika market sideway dalam atau luar zon A, lihat kedudukan market 2 atau 3 hari sebelumnya. Jika kedudukan market 2 atau 3 sebelumnya di high, maka hari ni fokus sell dan sebaliknya.
2) Trade pada waktu petang sahaja bermula jam 2 PM dan ke atas. Namun boleh entry lebih awal jika yakin dengan analisa.
3) Pastikan candle keluar zon A. Jika candle bersaiz besar iaitu 50 pips ke atas keluar zon A, elok jangan trade sebab biasanya candle ini adalah trick sahaja.
4) Lepas dah letak order, letak SL dan TP mengikut money management.
5) ada 4 pair utama utk TKZA ini :

a) GBPUSD
b) GBPJPY
c) EURUSD
d) EURJPY
namun boleh juga entry di pair lain dan tidak digalakkan entry di pair exotic seperti USDMXN, USDTRY dan lain-lain kerana pair exotic teramat ganas dan berisiko!.

p/s : hati-hati bila candle muncul doji sebab biasanya doji menandakan market akan putar arah atau akan muncul candle besar.

Cara trade kena tengok market sehari sebelum, jika sehari sebelum Naik, cari peluang Sell. Jika sehari sebelum Turun, cari peluang buy. Jika sehari sebelum sideway, tengok market 2 hari lepas

TIPS !
Perbanyakkan lukis market yang lepas-lepas. Sebab bentuk market sentiasa berulang. Lebih banyak anda lukis bentuk market, lebih cepat kefahaman anda akan dapat. Jangan lupa bezakan bentuk-bentuk market yang anda lukis ya!.

TAHNIAH! ANDA KINI TELAH TAMAT PENGAJIAN DI DALAM TRADE KEFAHAMAN ZON A. SEMOGA APA YANG SAYA KONGSIKAN MENJADI ASBAB KEJAYAAN KALIAN. JANGAN LUPA UNTUK PERBANYAKKAN SEDEKAH DAN TOLONG ORANG YANG KESUSAHAN!.

CONTOH2 LAIN

*untuk yang nk study market.. perhatikan peranan doji di asia session iatu pada waktu pagi (waktu Malaysia).. doji ni bagi 2 peranan samaada market seterusnya akan bertukar arah atau muncul candle besar..



Kalau emas..masuk cs jam 6 ptg msia

Ada peminat GBPJPY tak kat sini?. Haa,, ni market cun TKZA GBJPY. First kena tengok kedudukan market hari sebelum. Market hari sebelum iaitu 31 Jan 2020 berbentuk sideway maka kena tengok 2 hari sebelum. Yes, kedudukan market 2 hari sebelum berada di atas so hari ni (3 feb 2020) kita fokus sell. Kalau kita tengok cs jam 2 pm dan break zon A tetapi kita sell jam 4pm sebab berlaku rejection di low zon A pada cs jam 3pm. Ini menguatkan keyakinan bahawa price akan ke bawah. Boleh je sell jam 3pm sebab SOP kita, kita trade jam 2pm ke atas.. Kalau GBJPY kita ambil 50 pips ok dah..

Kat sini ada peminat GOLD tak? Saya rasa ramai minat GOLD sebab pergerakkannya yang laju lagi mendebarkan jiwa haha.. Okay ni review trade tkza GOLD..

Penjelasan : Okay kalau kita lihat bentuk market hari sebelum iaitu pada 5 feb 2020, ianya sideway dan kita kena lihat kedudukan market sebelumnya lagi iaitu pada 4 feb 2020. Market 4 feb 2020 berada di bawah jadi pada 6 feb 2020 kita fokus buy. Jika dilihat pada bentuk tkza, ianya berbentuk sell cross zon A. Candle jam 2 pm break high zon A dan kita buy jam 3 pm dan win 97 pips. Best kan

tkza ni?

p/s: open market gold jam 7am.. sebab tu kalau tengok kat chart sy mark zon A pada candle yang ke-2

Nak Take Profit Berapa Banyak?

Haa.. Bab ni ramai yang tertanya-tanya. Nak take profit (TP) berapa banyak?. Bagi saya bergantung pada pair yang kita trade. Kalau pair EURUSD, 20 pips dah cukup. Kalau pair GBPUSD, boleh TP 50 pips sebab pergerakan pair ni lebih besar dari EURUSD. Berapa banyak pips yang anda target, anda mestilah trade di market yang cantik. Means, bentuknya cantik. Kalau bentuk tak cantik, harapan untuk TP menjadi tipis. Kalau tanya saya antara GBPUSD dan EURUSD, mana lagi best? Jawapannya ikut selera masing-masing. EU sedap untuk scalping sebab banyak bentuknya sideway. GU pula sedap untuk hold atau swing sebab bentuknya selalu menaik atau menurun.

Jadi terpulang berapa pips anda nak ambil. Kalau anda ingin hold untuk dapat lebih pips, maka lebih baik sekiranya anda letak breakeven. Kalau price putar arah anda tidak rugi apa-apa.. Selamat bertrading!.

Apa Yang Perlu Diambil Kira Jika Mahu Melukis Market Yang Lepas?

Contoh lukisan market boleh tengok post-post yang lepas. Namun apa yang perlu diambil kira jika mahu melukis market yang lepas ? :

1) perhatikan bentuk market, apa akan jadi pada London dan US session jika market pada Asia session ada banyak doji merata atau doji menaik atau doji menurun.
2) Kena tahu kedudukan market sebelum. Jika market sebelum berada di high apa nak buat untuk hari ni. Jika berada di low apa nak buat pada hari ini.
3) Asing-asingkan bentuk market yang valid dan yang batal @ invalid. Lihat pattern dia macamana

terbentuk dan kena tahu bila mahu entry. Letak arrow up @ arrow down dan close arrow pada lukisan anda.

Bila lukis market dan kita perhatikan pattern dia, lama-kelamaan kita akan faham dan ingat bentuk market valid dan yang batal. Saya kira kita kena rajin untuk melukis market yang lepas jika mahu mahirkan teknik TKZA ini. Berikan masa maksimum 2 tahun untuk anda mahirkan TKZA ini. Jika sudah capai 2 tahun tetapi masih tidak mahir, bolehlah cari teknik lain..

REVIEW TRADE TKZA EURAUD 7 FEBRUARI 2020

Penjelasan : Pair EURAUD ini adalah antara pair yang digemari ramai trader. Biasanya kalau EURAUD naik, AUDUSD akan turun dan sebaliknya. Baik, jika dilihat pada screenshot di atas, candle jam 10 am break high zon A dan kenapa tidak buy jam 11 am?. Jawapannya sebab SOP TKZA ini kita trade pada jam 2 pm ke atas. Boleh je nak buy jam 11 am tapi kena banyak bersabar la sebab biasanya market suka reverse selepas break high atau low zon A. So, kita lihat cs jam 3 pm break high zon A dan kita buy jam 4 pm dan win 56 pips. Ok la kan?. Kalau trade pair ini, boleh TP 50 pips sebab pergerakkan EURAUD lebih besar dari AUDUSD.. tak gituew?

Oh ya! Kenapa fokus buy pada 7 feb 2020? jawapannya sebab market 6 feb 2020 berbentuk sideway jadi kena lihat pada market 5 Feb 2020. Market 5 Feb 2020 berada di bawah @menurun jadi pada 7 feb 2020 kita fokus buy. Mudah kan?

REVIEW TRADE TKZA GBPAUD 7 FEBRUARI 2020

Penjelasan : GBPAUD antara cross pair yang menarik untuk di trade. Pergerakannya agak laju seiring dengan dengan GBPJPY. Biasanya pair ini aktif pada asia session dan mereka yang suka trade pada waktu pagi boleh pilih pair ini untuk trade. Baiklah, melihat pada screenshot di atas, kita kena tahu kedudukan market samaada market sebelum berada di bawah atau di atas atau sideway. Market 6 Feb 2020 sideway dan kita kena lihat market sebelumnya lagi iaitu pada 5 feb 2020 dan kita dapati market 5 feb 2020 berada di bawah atau dalam keadaan menurun jadi pada 7 feb 2020 kita fokus buy sahaja. Jika kita lihat pada bentuk market 7 feb ini, ianya adalah berbentuk buy reject high zon A. Jam 3pm muncul candle buy agak besar menandakan buyer masuk. Jadi, kita boleh buy jam 4pm dan win 125 pips!. Bestnya TKZA ni...

REVIEW MARKET BATAL GBPJPY 7 FEBRUARI 2020

Penjelasan : market batal adalah market yang tak valid. Menurut screenshot di atas, sepatutnya kita fokus buy sebab market sebelum berada di bawah. Malangnya market 7 feb 2020 membuat buy cross zon A dan ini menandakan market gbpjpy adalah batal. Sebab itu kena letak stop loss. Jika diperhatikan pada jam 12pm dan 1pm, candle2 tersebut berbentuk doji dan doji menandakan 2 keadaan samaada market putar arah atau akan muncul candle besar. Tiada teknik yang sempurna. Semua ada kelemahan masing-masing dan kita kena akur akan perkara ini. Jangan risau. Mengikut pengalaman saya, market valid lebih banyak dari market batal.

nota : Jika market berada di bawah membuat buy cross zon A maka ianya batal. Jika market di atas membuat sell cross zon A, ianya batal.

nota : yang market batal tu jika dia buat sell cross zon kt atas..maka ianya batal..jika dia buat buy cross zon A kt bawah..maka ianya batal.. boleh check market-market yang lepas..ehhe

SS TAMBAHAN

GJ semalam Naik, Hari kita Sell

EJ Semalam Sideway, 2 hari lepas Turun, Hari ini kita BUY



EU Semalam Sideway, 2 Hari lepas Turun, hari ini kita BUY

GU Semalam Naik, Hari ini kita Sell

13/2/2020.

GJ semalam naik, Hari ni kita target SELL. Cuma semalam sideway ke naik ?. Confuse saya



EJ semalam turun, Hari ni target BUY.



EU semalam turun, Hari ni kita Buy bagi naik

GU semalam sideway, 2 hari lepas Naik. Hari ni kita Sell bagi turun.

nota ini updated sehingga 14/2/2020 4.45pm